



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

(22) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

2 Mac 2010

SIARAN MEDIA

SPNB AMBIL ALIH SIAPKAN PROJEK TERBENGKALAI TAMAN MAWAR KULAI JOHOR BAHRU

KULAI 5 MAC 2010 – Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah diberi mandat untuk memulihkan projek terbengkalai Taman Mawar Kulai sejak September 2009, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, Projek Taman Mawar, Kulai telah dimajukan oleh Bukit Danau Sdn. Bhd melibatkan pembinaan sebanyak 89 unit rumah iaitu 7 buah rumah kedai dua tingkat, 18 unit rumah murah satu tingkat dan 64 unit rumah teres dua tingkat.

Kong berkata, peojek ini diisytiharkan terbengkalai pada 31 Disember 2004 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak SPNB telah di beri tanggungjawab bagi memulihkan projek ini dan setakat ini telah berjaya **mencapai sasaran sebanyak 39% sehingga 28 Februari 2010.**

Jelasnya lagi, Bukit Danau Sdn Bhd merupakan tuan tanah bagi projek ini dan pinjaman titian keseluruhan projek tersebut berjumlah RM20 juta dan pemajuan projek ini melibatkan pembangunan tanah seluas 9.38 ekar di Lot 818 GM 221 Mukim Senai, Kulai dalam daerah Johor Bahru dan peratus kemajuan projek semasa terbengkalai adalah 10%-60% dan pemulihan projek ini dijangka siap pada bulan Oktober 2010.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Encik Saleki Amat Januri, Pegawai Perhubungan Awam di talian mudah alih 016-6297481/Wan Zainal Shahrman di talian mudah alih 0196902862 atau emelkan saleki62@kpkt.gov.my/zainal_shahrman@kpkt.gov.my